



KENYATAAN MEDIA

PENGOPERASIAN PEJABAT TEKUN NASIONAL MULAI 1 JULAI 2021

KUALA LUMPUR, 30 Jun 2021 - Kaunter Perkhidmatan TEKUN Nasional di cawangan seluruh negara akan mula dibuka secara fizikal dan beroperasi secara minima mulai 1 Julai 2021. Ini adalah selaras dengan keputusan kerajaan seperti yang diumumkan oleh Tan Sri Mohd Zuki Ali, Ketua Setiausaha Negara pada 29 Jun 2021 untuk membuka pengoperasian kaunter perkhidmatan kerajaan mulai tarikh tersebut.

Pembukaan kaunter perkhidmatan TEKUN Nasional ini melibatkan perkhidmatan yang tidak boleh dilaksanakan secara dalam talian sahaja. Kehadiran usahawan secara fizikal hanya melalui temu janji berjadual. Bagi permohonan temu janji usahawan boleh hubungi pegawai TEKUN di cawangan. Layari www.tekun.gov.my bagi alamat dan nombor telefon pejabat TEKUN.

Selain itu, usahawan juga boleh membuat permohonan pembiayaan TEKUN secara dalam talian di <https://tekunfin.tekun.gov.my>.

Sebelum ini, semua pejabat TEKUN Nasional di seluruh negara ditutup selaras dengan arahan kerajaan yang telah mengumumkan Fasa 1 Perintah Kawalan Pergerakan 3.0 pada 30 Mei 2021 dengan melaksanakan penutupan penuh sektor sosial dan ekonomi ataupun *total lockdown* di seluruh Malaysia bermula 1 Jun 2021.

Sepanjang tempoh tersebut, semua pejabat TEKUN Nasional telah ditutup secara fizikal. Walau bagaimanapun ketika itu usahawan masih boleh membuat permohonan pembiayaan TEKUN secara dalam talian dan hadir ke pejabat TEKUN melalui temu janji berjadual.

Sebanyak 1,339 permohonan pembiayaan telah diterima dan diluluskan dengan nilai RM33.8 juta dalam tempoh tersebut.

Pihak TEKUN berharap, kenyataan ini dapat memberi pencerahan kepada kekeliruan usahawan mengenai pengoperasian Pejabat TEKUN Nasional dalam Fasa 1 Perintah Kawalan Pergerakan 3.0.

Sebarang pertanyaan usahawan boleh hubungi/layari:

- i) 03-9059 8888
- ii) sistem maklumbalas TEKUN <http://fems.tekun.gov.my/>
- iii) platform media sosial TEKUN @tekunasional

TEKUN NASIONAL

30 JUN 2021